

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

No.20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

E-mail : info@lpp.gov.my

Email Bahagian : lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my

TEL : 03 - 2610 9600 FAX : 03 - 2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL : 03-2610 9600 FAX : 03-2697 0872

Ruj. Tuan : LPP(B)5/6JLD.7(31)
Ruj. Kami :
Tarikh : 18 Februari 2016

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

BILANGAN 3 TAHUN 2016

PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bagi meminda Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bertujuan untuk menetapkan bahawa semua Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang (PP) di semua peringkat PP adalah wajib untuk menghadiri Kursus Mandatori AJP PP.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada masa kini, tiada peruntukan dalam Perlembagaan PP yang mewajibkan semua AJP PP untuk menghadiri Kursus Mandatori AJP PP. Akibat daripada itu, terdapat AJP PP yang kurang mahir mengenai perundangan dan perjalanan hal ehwal PP. Pindaan Perlembagaan PP ini dapat melengkapkan dan memantapkan AJP PP dengan pengetahuan mengenai perundangan dan perjalanan PP bagi membolehkan AJP PP memimpin PP dengan lebih berkesan. Oleh itu, mana-mana AJP PP yang tidak menghadiri Kursus Mandatori AJP PP sebagaimana yang ditetapkan dalam Perlembagaan tersebut dalam tempoh satu tahun dari tarikh memegang jawatan AJP PP, maka jawatan yang dipegang hendaklah terhenti.

2.2 Berdasarkan perkara yang dinyatakan pada perenggan 2.1, Pendaftar berpendapat bahawa Perlembagaan PP adalah wajar dipinda.



3. TAFSIRAN

“Ahli Jemaah Pengarah” ertinya Pengarah di sesuatu Pertubuhan Peladang

4. PUNCA DAN HAD KUASA

Arahan ini dibuat di bawah Peraturan-Peraturan PP 1983 seperti berikut:

4.1 Peraturan 54(7)

“Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu pindaan adalah perlu, Pendaftar boleh meminta Pertubuhan Peladang itu untuk meminda perlembagaannya dengan sewajarnya dan boleh menetapkan tempoh dalam mana pindaan tersebut mesti dibuat; dan jika, setelah tamat tempoh yang ditetapkan itu, tiada pindaan yang telah dibuat, Pendaftar hendaklah mendaftarkan pindaan itu dan dengan itu perlembagaan itu hendaklah disifatkan telah dipinda dengan sewajarnya.”

4.2 Peraturan 85

“Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini.”

5. PINDAAN PERLEMBAGAAN PP

5.1 Pindaan Perlembagaan PP yang terlibat adalah seperti berikut:

(i) **Perlembagaan PPK**

Perkara 48 – seorang Pengarah hendaklah berhenti daripada memegang jawatan jika ia:-

(x) tidak menghadiri Kursus Mandatori Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang selepas dipilih sebagai Ahli Jemaah Pengarah dalam tempoh satu tahun.

(ii) **Perlembagaan PPN dan NAFAS**

Perkara 46 - seorang Pengarah hendaklah berhenti daripada memegang jawatan jika ia:-

(x) tidak menghadiri Kursus Mandatori Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang selepas dipilih sebagai Ahli Jemaah Pengarah dalam tempoh satu tahun.

5.2 Setiap AJP PP yang dipilih hendaklah menghadiri Kursus Mandatori AJP PP sekurang-kurangnya satu kali dalam tempoh pemegangan jawatannya sebagai AJP PP.

5.3 Semua PP diarahkan meminda Perlembagaan masing-masing seperti di para 5.1 di atas sepertimana mengikut **Lampiran A**.

6. **TARIKH KUATKUASA**

Arahan ini berkuatkuasa mulai 21 haribulan Januari Tahun Dua Ribu Enam Belas.



(DATO' HAJI MOHD SALIM BIN HAJI TAHA)

Pendaftar

Pertubuhan Peladang

Lampiran A :

**CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN**

| BIL | PERUNTUKAN ASAL | PINDAAN | JUSTIFIKASI |
|-----|---|---|--|
| 1 | Perkara 48 Berhenti daripada Jemaah Pengarah 48.(x) <i>Tiada Peruntukan</i> | Perkara 48 48.(x) tidak menghadiri Kursus Mandatori Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang selepas dipilih sebagai Ahli Jemaah Pengarah dalam tempoh satu tahun. | Supaya AJP dapat memahami perundangan dan pentadbiran PP dengan lebih jelas dan dapat memimpin PP dengan lebih berkesan. |

**CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN
PERTUBUHAN PELADANG NEGERI**

| BIL | PERUNTUKAN ASAL | PINDAAN | JUSTIFIKASI |
|-----|---|---|--|
| 1 | Perkara 46 Berhenti daripada Jemaah Pengarah 46.(x) <i>Tiada Peruntukan</i> | Perkara 46 46.(x) tidak menghadiri Kursus Mandatori Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang selepas dipilih sebagai Ahli Jemaah Pengarah dalam tempoh satu tahun. | Supaya AJP dapat memahami perundangan dan pentadbiran PP dengan lebih jelas dan dapat memimpin PP dengan lebih berkesan. |

**CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN
PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN**

| BIL | PERUNTUKAN ASAL | PINDAAN | JUSTIFIKASI |
|------------|---|--|---|
| 1 | <p>Perkara 46 Berhenti daripada Jemaah Pengarah</p> <p>46 (x) <i>Tiada Peruntukan</i></p> | <p>Perkara 46</p> <p>46.(x) tidak menghadiri Kursus Mandatori Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang selepas dipilih sebagai Ahli Jemaah Pengarah dalam tempoh satu tahun.</p> | <p>Supaya AJP dapat memahami perundangan dan pentadbiran PP dengan lebih jelas dan dapat memimpin PP dengan lebih berkesan.</p> |